

02 FEB 2001

Law-Zoo

KAWASAN ANTARA PUTRAJAYA DAN SEPANG TAPAK BARU ZOO NEGARA

PUTRAJAYA, 2 Feb (Bernama) -- Tiga kawasan yang terletak di antara Putrajaya dan Sepang telah dikenal pasti berpotensi untuk menjadi tapak baru Zoo Negara, kata Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding hari ini.

Lawa bagaimanapun enggan menyebut lokasi kawasan-kawasan itu tetapi berkata ia merupakan kawasan yang disenarai-pendek daripada lima kawasan yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Selangor.

"Kita kini sedang membuat kajian pada tempat-tempat yang dicadangkan itu dan sekarang masuk ke peringkat akhir," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian Taman Wetland Putrajaya oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, hari ini.

Menjawab soalan, beliau tidak menolak bahawa Taman Wetland turut merupakan antara lokasi baru Zoo Negara.

Menurut Law, beliau akan melawat kawasan-kawasan yang dikenal pasti itu sebelum hujung bulan ini.

Ketika ditanya bila zoo di Hulu Klang itu akan dipindahkan, beliau berkata, "setelah dapat ditentukan (tempatnye), kita akan buat perancangan bagaimana zoo patut dibina."

Law juga berkata tapak baru zoo nanti akan melibatkan kawasan tidak kurang 1,000 hektar berbanding hanya kira-kira 60 hektar di tapak sedia ada.

Baru-baru ini, Naib Presiden Persatuan Zoologi Malaysia Datuk Ismail Hutson berkata cadangan memindahkan Zoo Negara yang berusia hampir 40 tahun itu telah sedikit sebanyak menjejaskan usaha meningkatkan pembangunan infrastruktur zoo berkenaan.

Cadangan perpindahan zoo ke kawasan yang lebih luas dan jauh daripada pembangunan telah dicadangkan lebih lima tahun lepas memandangkan kawasan sedia ada sesak dengan kawasan perumahan.

-- BERNAMA

NZ AZZ PR